

## AKHLAK MAZMUMAH DALAM AL-QURAN

Zulbadri-Sefri Auliya

Dosen Fakultas Ushuluddin dan Studi Agama  
UIN Imam Bonjol Padang

### Abstrak

Penelitian ini bertujuan untuk membahas akhlak mazmumah dalam Islam. Banyak ditemukan bentuk ungkapan akhlak buruk dalam pergaulan sehari-hari. Akhlak merupakan perilaku manusia dalam kehidupan sehari-hari yang telah melekat pada diri seseorang, salah dalam tindakan seseorang manusia yang panutannya bersumber dari Al-Qur'an dan Hadis Rasulullah saw. Metode penulisan ini adalah dengan metode Library Riseach. Dalam tulisan ini penulis membahas tentang pengertian akhlak tercela dalam hubungan sesama manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia, di antaranya dusta, munafik, melempar tuduhan keji dan menada-adakan kebohongan terhadap orang lain.

**Kata Kunci:** Akhlak, dusta, al-Qur'an.

### PENDAHULUAN

Akhlak pada dasarnya melekat dalam diri seseorang, bersatu dengan perilaku atau perbuatan. Jika perilaku yang melekat itu buruk, maka disebut akhlak yang buruk atau akhlak mazmumah. Sebaliknya, apabila perilaku tersebut baik disebut akhlak mahmudah.<sup>1</sup> Akhlak buruk yang mesti ditinggalkan di antaranya adalah dusta. Dusta ialah perkataan atau perbuatan yang berbeda dengan kenyataan.<sup>2</sup> Dan dusta ini merupakan

perbuatan buruk yang sangat berbahaya kerana berbahaya kepada

---

dan sentiasa dalam dusta, pembohong, semakna dengan perkataan

دُخْرًا، معناه كذب، معناه كذب، معناه كذب، dengan bentuk masdar, dan كَذِبًا dalam bentuk jama', yang bererti apabila dia mengucapkan suatu perkataan senantiasa dusta (al-Jaw hir, *as-sahah fi al-lughah*, juz.1 hal.308) Makna al-kidhb menyampaikan kepada orang lain tidak seperti mana yang dikhabarkan kepadanya.<sup>1</sup> Ali bin Muhammad al-Jurjani, *At-Ta'rif t*, Qahirah ; Dar al-Kitab al-Mishriy.1991. juz 1 .hal.59).atau melakukan sesuatu yang tidak sesuai dengan keyakinannya,(As-Fahany, Mufradat Gharib al-Qur'an, 1:277) Makna كَذِبًا Melihat sesuatu perkara itu selalu dengan penuh dusta dan bohong, gurauan atau main-main, ( Ibn Manzbur, *lisanu al-'Arab* , Beirut, Darul Shadir, t.th, juz1. Hal 704) adalah dusta pada perkataan merupakan dosa yang paling buruk dan keji (Abu hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazaliy, *Ihya Ulumu al-d n*, Qahirah: Dar at-Tauzi'wa an-Nasyr al-Islamiyah, 2005.hal .482).

---

<sup>1</sup> Syarifah Habibah, Akhlak dan Etika Dalam Islam, Jurnal Pesona Dasar vol. 1 no. 4, oktober 2015, hal 73 - 87

<sup>2</sup> Ali bin Muhammad al-Jurjani, *At-Ta'rif t* , Qahirah ; Dar al-Kitab al-Mishriy.1991. juz 1 .hal.59. As-Fahany, Mufradat Gharib al-Qur'an, 1:277, Perkataan bermakna tidak benar, bohong, mengkhabarkan sesuatu yang berlainan dengan keadaan sebenarnya. Lafaz كَذِبًا bermakna kekal

diri sendiri dan orang lain. Namun sangat disayangkan, sebagian dari kaum muslimin menganggap berdusta adalah perkara yang biasa-biasa sahaja, bahkan mereka sering terlibat melakukannya. kebiasaan berdusta dijelaskan firman Allah SWT yang berikut:

إِنَّمَا يَفْتَرِي الْكَذِبَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِ  
اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْكَاذِبُونَ<sup>3</sup>

Artinya: *Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itu ialah orang-orang yang bertabikat berdusta.*

Sudah sepatutnya kaum muslimin menjauhi berdusta, kerana dusta itu merupakan perbuatan orang-orang yang tidak beriman kepada Allah Subhanahu wata'ala. Pendusta merupakan salah satu dari perangainya orang-orang munafik, sebagaimana dalam hadits dalam shohihain dari hadits Abu Hurairah beliau berkata Rosulullah s.a.w bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ  
كَذَبَ ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ ، وَإِذَا أَوْثَمَنَ خَانَ

Artinya: *Tanda orang munafik itu tiga perkara: apabila bercakap dia berdusta, apabila berjanji dia mengingkar janjinya, dan apabila dipertaruhkan amanah dia khianati.*

Rasulullah bersabda:

وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى  
الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَمَا يَزَالُ  
الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّى يُكْتَبَ  
عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا<sup>5</sup>

Artinya: *Dan berhati-hatilah akan dusta kerana dusta membawa kepada kejelikan dan kejelikan membawa ke neraka, seseorang yang selalu berdusta maka akan ditulis di sisi Allah sebagai pendusta.*

Dalam hadits yang mulia ini Rasulullah SAW menganjurkan umatnya untuk sentiasa jujur kerana akan menghantarkan ke dalam surga Allah SWT dan juga beliau memperingatkan untuk menjauhi kedustaan kerana ia akan menghantarkan pendusta ke dalam neraka Allah SWT dan apabila seseorang sentiasa melakukan kidhb, maka ia akan ditulis di sisi Allah SWT sebagai seorang yang pendusta.

## AKHLAK MAZMUMAH

Di antara akhlak yang buruk adalah: berkata dusta , kesaksian yang dusta الرُّورُ , an-nifaq, qazf, al-ifk, al-iftara, at-takzib, sebagai berikut:

### a. Berkata dusta قَوْلُ الرُّورِ

Allah SWT menggandingkan berkata bohong dengan kesalahan syirik, firman Allah berikut:

<sup>3</sup> Al-Qur'an, an-Nahl, 16:105

<sup>4</sup> Sahih Bukhari, juz 20:248, bab qaul yaayuhallazina amanu, hadis no: 6095, dan terdapat pada hadis no:33,2682, 2749, 1434<sup>1</sup>, Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi, an-Nasa'I dari Abu Hurairah r.a.

<sup>5</sup> Sahih Muslim juz .13, h.16 , bab qabih al-kadhab wa husnu al-shdq wa fadluh. Ulama tafsir yang menjelaskan hadis di atas terkait dengan surah at-Taubah/9:119, al-Ahz b,33:35 sama ada Ibn Kats r dalam kitabnya : tafsir al-Qur'an al-'Az h m, dan as Suyuthiy dalam kitabnya ad-dar al-Manstur fi atta'wil bi al-Ma'tsur.

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظَمَ حُرْمَاتَ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ  
عِنْدَ رَبِّهِ وَأُحِلَّتْ لَكُمْ الْأَنْعَامُ إِلَّا مَا يُتْلَى  
عَلَيْكُمْ فَاجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا  
قَوْلَ الزُّورِ<sup>٦</sup>

Artinya: *Demikianlah (perintah Allah). Dan barangsiapa mengagungkan apa-apa yang terhormat di sisi Allah maka itu adalah lebih baik baginya di sisi Tuhannya. Dan telah diharamkan bagi kamu semua binatang ternak, terkecuali yang diterangkan kepadamu keharamannya, maka jauhilah olehmu berhala-berhala yang najis itu dan jauhilah perkataan-perkataan dusta.*

Ayat ini menekan berat tentang kesalahan berkata bohong kerana ia telah menggadingkannya dengan kesalaha syirik. Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan sebuah hadith dengan sanadnya dari Fatik al-Asadi mengatakan : Rasulullah Saw. setelah mendirikan solat subuh dan apabila selesai dari solat itu beliau berdiri, seraya bersabda:

عَدَلْتُ شَهَادَةَ الزُّورِ الْإِشْرَاكَ بِاللَّهِ، عَزَّ  
وَجَلَّ<sup>٧</sup>

Artinya: *Kesaksian yang dusta itu sama dengan mempersekutukan Allah SWT.*

Kemudian baginda membacakan ayat Al-Hajj, 22:30. Allah mahu manusia meninggalkan segala bentuk syirik dan menjauhi segala bentuk pembohongan, serta berdiri teguh di atas lunas kepercayaan tauhid yang benar dan bersih.<sup>8</sup>

Di dalam kitab Sahihain telah disebutkan melalui riwayat Abu Bakrah, bahawa Rasulullah Saw. bersabda:

"أَلَا أَنْبِئُكُمْ بِكَبِيرِ الْكِبَائِرِ؟" قُلْنَا: بَلَى، يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: "الْإِشْرَاكَ بِاللَّهِ وَعَقْوُ الْوَالِدَيْنِ - وَكَانَ مُتَكِنًا فَجَلَسَ، فَقَالَ: - أَلَا وَقَوْلَ الزُّورِ، أَلَا وَشَهَادَةَ الزُّورِ". فَمَا زَالَ يُكْرَرُهَا، حَتَّى قُلْنَا: لَيْتَهُ سَكَتَ<sup>٩</sup>

Artinya: *"Ingat, saya akan memberitahu anda sekalian tentang dosa besar?" Kami (sahabat-sahabat) menjawab, "Sudah tentu kita akan, Wahai Rasulullah." Rasulullah bersabda, "Bersekutu dengan Allah dan menyakiti kedua ibu bapa," dia bersandar, kemudian duduk dan berkata, "Ingatlah, ingat, dan kesaksian palsu! "Nabi mengulangi ayat terakhir ini sehingga kami berkata (dalam diri kita).*

## b. Munafik

Allah telah menyebutkan perkataan an-nif q dan kata jadiannya di dalam al-Qur'an sebanyak 37 kali dalam beberapa surah. Sifat nifak itu terbagi menjadi dua macam: Pertama: Nifaq I'tiqadi (nifak dalam bentuk keimanan) dan nifaq dalam bentuk amaliah, Nifak jenis I'tiqadi ini menyebabkan pelakunya keluar dari agama (millah). Orang seperti ini di dalam hatinya mendustakan kitab-kitab Allah dan para malaikat-Nya,

Perkataan nifaq, munafik bermaksud menampakkan (berpura-pura) keimanan dan

<sup>6</sup> Al-Qur'an, Hajj,22:30

<sup>7</sup> Ahmad ibn Hanbal Abu Abdullah al-syaibani, *Musnad al-Imam Ibn Hanbal*, juz. 4, hal.231

<sup>8</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 27:474

<sup>9</sup> Sahih Bukhari, jus 20:hal.63,hadis no 5976, juga terdapat pada hadis no

menyembunyikan kekufuran.<sup>10</sup>Sifat munafik ada yang berkaitan dengan akidah; jenis ini menyebabkan pelakunya kelak di dalam neraka, dan ada yang berkaitan dengan perbuatan, jenis ini merupakan salah satu dari dosa besar.<sup>11</sup>

Pendusta merupakan salah satu dari perangnya orang-orang munafik, sebagaimana dalam hadits dalam shohihain dari hadits Abu Hurairah beliau berkata Rosulullah s.a.w bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ <sup>12</sup>

Artinya: Tanda orang munafik itu tiga perkara: apabila bercakap dia berdusta, apabila berjanji dia mengingkar janjinya, dan apabila dipertaruhkan amanah dia khianati.

Allah SWT. menceritakan kisah orang munafik, bagaimana mereka menyembunyikan kekufuran di dalam hati mereka dan mengumumkan keislaman dan pengakuan kepada Nabi s.a.w, Allah Swt. berfirman:

إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ <sup>13</sup>

Artinya: Apabila orang-orang munafik datang kepadamu, mereka berkata:

<sup>10</sup> Ibn 'Asyur, *At-Tahrir wa at-Tanwir*, juz.2:215,

<sup>11</sup> Ibn Kasir, *Tafsir Al-Qur'an al-'Azhim*,

<sup>12</sup> Sahih Bukhari, juz 20:248, bab qaul yaayuhallazina amanu, hadis no: 6095, dan terdapat pada hadis no;33,2682, 2749, 14341, Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi, an-Nasa'I dari Abu Hurairah r.a

<sup>13</sup> Al-Qur'an, al-Munafiqun, 63:1

"Kami mengakui, bahwa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul Allah". Dan Allah mengetahui bahwa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul-Nya; dan Allah mengetahui bahwa sesungguhnya orang-orang munafik itu benar-benar orang pendusta.

Al-quran menjelaskan ciri-ciri orang munafik adalah : Mengaku beriman, sesungguhnya mereka tidak meyakini kebenaran dari apa yang mereka ucapkan dalam hati mereka, mereka menggunakan sumpah-sumpah yang palsu sebagai perisai dan untuk berlindung, mereka menghalangi diri mereka sendiri dan orang ramai dari agama Allah. Kufur dan menukar hidayah dengan kesesatan. Mereka mempunyai penampilan yang baik, baik bercakap dan fasih. Apabila perkataan mereka didengar, maka pendengarnya akan terpesona oleh perkataan mereka yang berparamasastra, pengecut lagi penakut. bermusuh (kebenaran),<sup>14</sup> Tabiat si munafik dijelaskan firman Allah SWT berikut:

وَمَنْ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَشْهَدُ اللَّهُ عَلَى مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ . وَإِذَا تَوَلَّى سَعَى فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ . وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِثْمِ فَحَسْبُهُ جَهَنَّمُ وَلَبَّسَ الْمُهَادِ <sup>15</sup>

Artinya: Dan di antara manusia ada orang yang ucapannya tentang kehidupan dunia menarik hatimu, dan dipersaksikannya kepada Allah (atas

<sup>14</sup> Ibn Kasir, *Tafsir Al-Qur'an al-'Azhim*, 8:131, *Sayyid Qutb, Fi Zilal al-Qur'an*, 7:211

<sup>15</sup> Al-Qur'an, al-Baqarah, 2:224

*kebenaran) isi hatinya, padahal ia adalah penantang yang paling keras. Dan apabila ia berpaling (dari kamu), ia berjalan di bumi untuk mengadakan kerusakan padanya, dan merusak tanam-tanaman dan binatang ternak, dan Allah tidak menyukai kebinasaan. Dan apabila dikatakan kepadanya: "Bertakwalah kepada Allah", bangkitlah kesombongannya yang menyebabkannya berbuat dosa. Maka cukuplah (balasannya) neraka Jahannam. Dan sungguh neraka Jahannam itu tempat tinggal yang seburuk-buruknya.*

Berdasarkan ayat di atas dapat dipahami bahwa terdapat akhlak mazmumah di antaranya tipe hiprokit manusia yang berpura-pura, jahat dan pintar bercakap, ia memperlihatkan dirinya sebagai tokoh yang amat penting dalam seluruh kegiatan kehidupannya. Rupanya menarik dan mengkagumi anda, tetapi budinya yang buruk menyakiti anda. apabila diseru kepada kebaikan dan bertaqwa kepada Allah SWT., ia tidak pernah kembali kepada kebenaran, dan tidak pernah mencoba membetulkan dirinya, malah ia terus dikongkong perasaan takabur untuk melakukan dosa. Dia merasa begitu sombong apabila diajak kepada kebenaran dan kebaikan, dan dia terus berusaha membinasakan tanaman dan kanak-kanak".<sup>16</sup>

Makhluk (munafik) yang berbicara ini, dengan menggambarkan dirinya kepada anda sebagai seorang yang sangat baik, sangat ikhlas dan jujur, , sangat pengasih, bermaruah tinggi, sangat gemar member kebajikan, kebaktian, kebahagiaan dan

kesucian kepada orang ramai. Inilah orang yang engkau kagumi tutur katanya. Kagumi kepetahan lidahnya, kagumi nada suaranya, dan kagumi pembicaraan-pembicaraannya tentang kebajikan," "(semua itu dilakukan) Demi menguatka kesan saranan dan untuk menekankan saranan keikhlasan dan kejujurannya dan seterusnya untuk menonjol-nonjolkan taqwa dan keikhlasannya kepada Allah, Jiwanya penuh dengan ghairah perseteruan dan permusuhan. Ia tidak menampakkan sebarang bayang kasih mesra dan perasaan samahan (toleransi). Ia tidak menunjukkan sebarang ruang untuk kasih sayang dan kebajikan, untuk berbudi dan mementingkan kabajikan orang lain.<sup>17</sup>

Orang yang zahirnya bertentangan dengan batinnya, rupanya berlainan dengan budinya. inilah orang yang pintar berdusta, sehingga apabila tiba peranan bertindak terbukalah tembelang budinya yang tersembunyi, terterungkuplah segala akhlaknya yang tertutup dan terpampanglah hakikat kejahatannya, kezalimannya, hasad dengkinya, dan kerosakkan akhlaknya.<sup>18</sup> Mereka yang mempunyai penyakit ini adalah orang-orang munafik, sedangkan penyakit tersebut adalah berupa keraguan yang merasuki hati mereka terhadap Islam. bertambah kekafiran mereka, kejahatan mereka di samping kejahatan yang ada dan kesesatan di samping kesesatan yang telah ada pada diri mereka ini merupakan pembalasan yang sesuai dengan jenis amal perbuatan, di samping kekafirannya yang telah ada disebabkan apa yang mereka dustakan kerana mereka mempunyai kedua sifat

<sup>16</sup> Sayyid Quthb, *Tafsir Fi Zhilali-Qur'an*, Juz. 1.Hlm 612,

<sup>17</sup> *Op.cit.*, 1.Hlm. 615,

<sup>18</sup> *Ibid.*

tersebut, yakni mereka adalah orang-orang yang berdusta, juga mendustakan yang gaib.<sup>19</sup>

Mengetahui orang munafik dijelaskan Allah SWT dalam firman yang lain:

وَلَوْ نَشَاءُ لَأَرَيْنَاكَهُمْ فَلَعَرَفْتَهُمْ بِسِيمَاهُمْ.  
وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي لَحْنِ الْقَوْلِ<sup>20</sup>

Artinya: *Dan kalau Kami menghendaki, niscaya Kami tunjukkan mereka kepadamu sehingga kamu benar-benar dapat mengenal mereka melalui tanda-tandanya. Dan kamu benar-benar akan mengenal mereka dari kiasan-kiasan perkataan mereka.*

Di antara mereka yang terkenal kemunafikannya ialah Abdullah ibnu Ubay ibnu Salul. Kemunafikannya telah disaksikan oleh Zaid ibnu Arqam r.a. setelah ada penjelasan mengenai sifat-sifat orang munafik. Sekalipun demikian, ketika Abdullah ibnu Ubay bin Salul mati, Nabi Saw. ikut menyalatkannya dan bahkan menyaksikan penguburannya, sebagaimana yang beliau lakukan terhadap kaum muslim lainnya. dan firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ<sup>21</sup>

Artinya: *sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta.*

Pernyataan kaum Yahudi dan Nasrani tidak dapat diterima oleh kerana mereka tidak boleh mendatangkan bukti kebenaran dan dalil pada kitab suci Taurah dan Injil yang membenarkan ucapan mereka. Surah yang menjelaskan bahawa kaum

Yahudi tidak sanggup mendatangkan hujjah ialah surah al-Baqarah, 2:94, Ali-'Imr n, 3:93,183, al-Jumu'ah.62:6. Bahkan Allah SWT membantah bahawa kaum Yahudi dan Nasara tidak wujud bukti benar perkataan mereka pada akiqah mereka, oleh itu mereka sebenarnya adalah munafik oleh sebab pendusta.

### c. Melempar tuduhan keji

Melemparkan tuduhan zina kepada orang lain *Qazaf* yang baik lagi suci atau menafikan keturunannya. Jika sekiranya ia hanya menuduh seseorang lain mencuri, minum arak, murtad, termasuk juga mencaci yang boleh menjatuhkan maruah maka ia hanya di kenakan hukuman ta'zir.<sup>22</sup> Menuduhkan tanpa mendatangkan empat orang saksi, dijelaskan firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ<sup>23</sup>

Artinya: *Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang -menuduh itu) delapan puluh kali dera, dan janganlah kalian terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik,*

Di dalam ayat ini diterangkan hukum dera bagi orang yang menuduh wanita yang baik-baik berbuat zina. Yang dimaksud dengan istilah muhsanah dalam ayat ini ialah wanita merdeka yang sudah balig lagi

<sup>19</sup> Ibn Kasir, Tafsir Al-Qur'an al-'Azhim, , 1:179

<sup>20</sup> Al-Qur'an, Muhammad, : 30

<sup>21</sup> Al-Qir'an, Al-Munafiqun,63:1

<sup>22</sup> <http://www.jais.gov.my/article/qazaf-tuduhan-zina>, 2 Oktober 2017

<sup>23</sup> Al-Qur'an, An-Nur,24:4

memelihara kehormatan dirinya. apabila yang dituduh melakukan zina itu adalah seorang lelaki yang terpelihara kehormatan dirinya, maka hukumannya sama, yakni si penuduh dikenai hukuman dera. Tiada seorang pun dari kalangan ulama yang memperselisihkan masalah hukum ini. Apabila si penuduh dapat membuktikan kebenaran dari persaksiannya, maka terhindarlah dirinya dari hukuman had (dan yang dikenai hukuman had adalah si tertuduhnya).<sup>24</sup>

Ada tiga macam sangsi hukuman yang ditimpakan kepada orang yang menuduh orang lain berbuat zina tanpa bukti yang membenarkan kesaksiannya, yaitu lapan puluh kali sebat, digugurkan kesaksiannya (tidak dipakai kesaksiannya) dan ia dicapkan sebagai seorang yang fasiq. Kemudian Allah SWT menyebutkan dalam firman selanjutnya:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ<sup>25</sup>

Artinya: kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu dan memperbaiki (dirinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Para fuqaha telah berselisih tentang pengecualian ini, apakah pengecualian ini hanya melibatkan hukum yang terakhir sahaja, iaitu dihapuskan sifat fasik darinya sahaja, sedangkan kesaksiannya terus kekal tidak diterima? Atau kesaksiannya juga boleh diterima apabila dia bertaubat?

Menurut Imam Malik, Imam Ahmad, dan Imam Syafii berpendapat bahawa apabila dia bertobat, maka kesaksiannya boleh diterima dan terhapuslah dirinya hukum fasiq. Tetapi ujar Imam Abu Hanifah: pengecualian itu hanya melibatkan ungkapan yang terakhir sahaja. Iaitu dihapuskan sifat fasiq sahaja dengan taubat itu, tetapi kesaksiannya terus ditolak. Asy-Sya'bi dan Ad-Dahhak mengatakan bahawa kesaksiannya tidak diterima, walaupun dia telah bertobat, kecuali dia membuat pengakuan terhadap dirinya bahawa dia telah membuat pembohongan dalam tuduhannya itu, ketika itu bolehlah diterima kesaksiannya.<sup>26</sup>

إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ لَعُنُوا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ<sup>27</sup>

Artinya: Sesungguhnya orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan, lagi yang beriman, akan dilaknat (oleh Allah SWT) di dunia dan di akhirat dan, mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar;

Ayat ini menggambarkan betapa besar dan kejinya jenayah yang dilakukan oleh mereka yang menuduh wanita muhsan ketika wanita-wanita itu dalam keadaan tidak berwaspada dan hati-hati dari kemungkinan tuduhan orang, sedangkan mereka mempunyai hati yang baik dan bersih, tenang dan yakin tidak takut kepada sesiapa kerana mereka tidak pernah

<sup>24</sup> Ibn Kasir, Tafsir Al-Qur'an al-Azhim, . 6:13

<sup>25</sup> Al-Qir'an, An-Nur, 24:5

<sup>26</sup> Ibn Kat Sir, Sayyid Qutb, Fi Zilal al-Qur'an al-Qur'an, juz.18, hal.38

<sup>27</sup> Al-Qur'an, an-Nur, 24:23

melakukan kesalahan yang ditakuti mereka.<sup>28</sup>

#### d. Berdusta

Perkataan al-Ifk bremaksud dusta dan bohong,<sup>29</sup> mengubah sesuatu daripada bentuk asalnya, menunjukkan membalikan sesuatu, dan dikatakan membalikkan sesuatu apabila seseorang adalah dusta,<sup>30</sup> terdapat pada firman Allah SWT:

لَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ  
بِأَنْفُسِهِمْ خَيْرًا وَقَالُوا هَذَا إِفْكٌ مُّبِينٌ<sup>31</sup>

Artinya: *Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri. dan berkata: "Ini ialah tuduhan dusta yang nyata".*

firman Allah SWT yang berikut

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا لَوْ كَانَ خَيْرًا مَا  
سَبَقُونَا إِلَيْهِ وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا بِهِ فَسَيَقُولُونَ هَذَا  
إِفْكٌ قَدِيمٌ

Artinya: *Dan orang-orang kafir berkata kepada orang-orang yang beriman: "Kalau sekiranya di (Al Quran) adalah suatu yang baik, tentulah mereka tiada mendahului kami (beriman) kepadanya. Dan kerana mereka tidak mendapat petunjuk dengannya maka mereka akan berkata: "Ini adalah dusta yang lama".*

<sup>28</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, juz.18:96

<sup>29</sup> Al-Munawwir, 31,

<sup>30</sup> Mu'jam al-Maqayis, 1:118

<sup>31</sup> Al-Qur'an, an-Najm, 53:11

<sup>32</sup> Al-Qur'an, al-Ahqaf, 46:11

Tidaklah mereka berpendapat demikian, melainkan mereka mempunyai keyakinan bahawa diri mereka mempunyai kedudukan di mata Allah dan diperhatikan oleh-Nya. Mereka tersilap dalam kesalahan, bahawa semua perbuatan dan ucapan yang tidak terbukti berpunca dari para sahabat bererti hal itu adalah bid'ah. Kerana sesungguhnya tiada suatu perkara kebaikan pun yang mereka biarkan melainkan mereka (para sahabat) bersegera mengerjakannya. Orang yang tidak beriman mengatakan bahawa segala apa yang terkandung di dalam Al-Qur'an adalah dusta dipetik dan orang dahulu kala. Mereka menafikan al-Qur'an dan orang-orang yang beriman kepadanya.<sup>33</sup>

#### e. Mengada-adakan bohong

Perkataan ini maknanya mengadakan pembohongan-pembohongan terhadap Allah, mereka-reka kata dusta, melakukan dosa, mengada-adakan sesuatu yang ajaib seperti sihir dan lainnya. Penjelasan mereka-reka perkataan dusta adalah seperti berikut:

Pada umumnya setelah perkataan ada perkataan dusta, di antaranya firman Allah SWT:

فَمَنْ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ  
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ<sup>34</sup>

Artinya: *(Jika tidak) maka sesiapa yang mereka-reka kata-kata dusta terhadap Allah sesudah yang demikian itu, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*

Siapa yang menentang Allah SWT dan mengakui bahawa Allah

<sup>33</sup> Ibn Kasir, *Tafsir Al-Qur'an al-Azhim*,

<sup>34</sup> Al-Qur'an, Ali-Imran, 3:94

SWT telah menetapkan untuk mereka pada hari Sabtu dan berpegang kepada Taurat selama-lamanya, bahawa Allah tidak menghantar seorang nabi lagi kepada Allah SWT dengan membawa bukti-bukti dan hujah-hujah selepas apa yang telah Kami jelaskan, iaitu kejadian nasakh, dan apa yang telah Kami sebutkan adalah nyata.<sup>35</sup>

Allah SWT menyifatkan orang-orang munafik berbohong, kerana amalan, kata-kata dan tindakan mereka berlain dengan apa yang ada dalam hati nurani mereka, dan bertentangan dengan keyakinan dalam hati mereka, maka Munafiq ialah zahiryah baik dan batinya jahat, dan ia termasuk sudut keyakinan amalan. Orang-orang munafik berupaya menipu mata pihak lain supaya terjerumus tanpa mereka sedari, ia akan mencari keuntungan duniawi sendiri dengan berusaha menutup-nutupi kepura-puraan mereka sehingga mereka terhindar dari hukuman yang semestinya mereka terima. Namun pada hakekatnya mereka adalah keliru, kerana yang mereka tipu hanyalah diri mereka sendiri, mereka tidak sedar. Oleh kerana dihati mereka ada penyakit, misalnya iri terhadap Nabi. Dan dari penyakit ini justeru bertambahlah apabila kejahatan mereka semakin menjadi-jadi (seperti halnya satu pembohongan berusaha ditutup-tutupi dengan kebohongan-kebohongan).<sup>36</sup>

#### f. *Al-Takdh b, melakukan kufur*

بَلْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ<sup>٣٧</sup>

<sup>35</sup> Ibn Kasir, Tafsir Al-Qur'an al-'Azhim,

<sup>36</sup> Balil Abd al-Karim, *al-Sidq dan al-Kidhb dalam al-Qur'an*, 25 Mei 2011, [www.alukah.net](http://www.alukah.net)

<sup>37</sup> Al-Qur'an, Qaf, 50:5

Artinya: *(Mereka tidak mahu berfikir betul) bahkan mereka (terburu-buru) mendustakan kebenaran apabila sahaja sampainya kepada mereka; oleh sebab itu, mereka berada dalam keadaan yang serba kacau.*

Allah SWT dalam surah Ar-Rahman (surat ke-55) ini mengulang-ulang firman-Nya, Maka nikmat Tuhan yang manakah (wahai jin dan manusia) yang hendak kamu dustakan?. Pertanyaan ini sebenarnya untuk mengingatkan manusia tentang nikmat-nikmat itu, di samping menimbulkan perasaan takut dan gentar serta celaan terhadap orang yang mengingkari nikmat-Nya.<sup>38</sup> di samping suatu pernyataan untuk mencatatkan pengakuan dan penyaksian, di mana ada seorang manusia dan jin yang mampu mendustakan nikmat-nikmat Allah di maqam seperti ini.<sup>39</sup>

Maka nikmat Tuhan yang manakah (wahai jin dan manusia) yang hendak kamu dustakan?, Pertanyaan tersebut terulang sebanyak tiga puluh satu kali. Lapan daripadanya disebut selepas diterangkan beberapa keajaiban ciptaan-Nya, selepas disebutkan perihal permulaan kejadian dan perihal "ma'ad" atau kembali ke akhirat, kemudian disebutkan sebanyak tujuh kali selepas diceritakan tentang azab neraka dan suasana; sejajar dengan bilangan pintu neraka jahannam. Selepas itu disebutkan lapan kali selepas disifatkan syurga dan para penghuninya, ini sejajar dengan lapan bilangan pintu syurga. Sesiapa yang percaya kepada apan ayat yang awal, dan beramal dengan apa yang diwajibkan kepadanya, maka ia berhak

<sup>38</sup> Wahbah az-Zuhaili, *Tafsir Al-Munir*, juz 27:208

<sup>39</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, juz 27: 253

mendapat daripada kedua-dua ganjaran lapan syurga itu daripada Allah, dan Allah selamatkan dia dari bencana tujuh perkara keburukan yang telah disebutkan dalam ayat terdahulu.<sup>40</sup>

#### g. Menuduh Keji Tanpa Bukti

Perkataan al-Qadzif berarti melempar, maksudnya melempar tuduhan zina kepada orang yang baik-baik tanpa mendatangkan saksi, maka perbuatan ini termasuk dosa besar, Kejahatan menuduh orang lain berbuat zina Hukum menuduh orang lain berbuat zina Menuduh berzina adalah dosa besar: 24:4, 24:23. Sanksi menuduh orang lain berbuat zina Mendera orang yang menuduh berzina: 24:4. Kesaksian penuduh zina tidak diterima: 24:4 Penuduh zina yang menyesal dan menarik kembali tuduhannya, Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ  
الْمُؤْمِنَاتِ لَعُنُوا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَهُمْ عَذَابٌ  
عَظِيمٌ

Artinya: *Sesungguhnya orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan, lagi yang beriman, akan dilaknat (oleh Allah) di dunia dan di akhirat dan, mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar;*

Sesungguhnya orang-orang yang melemparkan tuduhan zina kepada wanita-wanita mukminat yang bersih, yang kecil kemungkinannya melakukan hal itu, bahkan karena kesibukannya berzikir kepada Allah SWT, mereka tidak sempat

memperhatikan hal-hal semacam itu-- orang-orang itu akan dijauhkan dari kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mereka akan mendapatkan siksa amat pedih jika mereka tidak segera bertobat. Orang yang menuduh tanpa ada saksi maka ia dikatakan fasik, dalam firman Allah SWT yang berikut:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ  
شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ  
شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Artinya: *Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.*

Seseorang yang menuduh orang lain menuduh orang lain berbuat zina harus dapat mendatangkan empat orang saksi yang memiliki kriteria muslim, dewasa, berakal sehat, adil lagi bebas dari tekanan. Kesaksian terhadap orang yang melakukan perzinaan dengan empat orang saksi dengan kriteria di atas ternyata belum cukup. Kepada keempat saksi tersebut disyaratkan bahawa dalam peristiwa dan waktu yang sama dan secara haqul yakin menyaksikan dengan mata kepalanya sendiri bagaimana perzinaan itu berlangsung secara jelas.<sup>43</sup>

Orang-orang yang melontarkan tuduhan zina kepada wanita-wanita yang menjaga kesuciannya tanpa dapat

<sup>40</sup> Wahbah az-Zuhaili, *Tafsir Al-Munir*, juz 27:249.

<sup>41</sup> Al-Qur'an, an-N r, 24:23.

<sup>42</sup> Al-Qur'an, an-N r, 24:4

<sup>43</sup> Mustafa Kamal Pasha, *Fikih Sunnah*, Yogyakarta: Citra Karsa Mandiri, 2003), hal. 280-281

mendatangkan empat orang saksi yang membenarkan tuduhnya, hukumannya adalah delapan puluh cambuk dan dengan tidak lagi menerima persaksian mereka atas perkara apa pun selamanya. Sebab, mereka memang pantas disebut sebagai orang-orang yang keluar dari batas-batas agama.<sup>44</sup>

#### h. *Al-Buht* menuduh

Perkataan *al-buht* البُهْتَانُ yang dimaksudkan dalam Al-Qur'an di antaranya bermakna kepalsuan dan pembbohongan, kebingungan, *al-buht* pada surah al-Mumtahinah menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki telah dinasabkan kepada yang bukan ibu bapanya oleh isteri-isteri, ini merupakan buht yang menghina, menyifatkan fitnah fitnah; iaitu: Isteri-isteri menasabkan kepada suami mereka apa yang tidak mereka lakukan.<sup>45</sup>

*al-buht* lebih merbahaya dari pembbohongan dan fitnah, kerana fitnah dan yang berkaitan kepada orang yang mengatakan perkara itu sendiri, tetapi *al-buht* berkenaan dengan orang lain, bekas tidak melebihi satu pembbohongan, dan tangga kedua pada orang lain, jadi semua kepalsuan fitnah, tidak semua fitnah palsu. Tuduhan keji kepada orang baik-baik, firman Allah SWT yang berikut:

وَمَنْ يَكْسِبْ خَطِيئَةً أَوْ إِثْمًا ثُمَّ يَرْمِ بِهِ بَرِيئًا فَقَدِ احْتَمَلَ بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا

Artinya: *Dan sesiapa yang melakukan suatu kesalahan atau suatu dosa, kemudian ia menuduhnya kepada orang yang tidak bersalah, maka*

*sesungguhnya ia telah memikul kesalahan berbuat dusta, dan melakukan dosa yang amat nyata.*

Sebagaimana tuduhan yang dilakukan Bani Ubairiq, tentang perilaku busuk mereka kepada laki-laki shalih yaitu Labid bin Sahl seperti pada hadits yang telah lalu, atau Zaid bin Samin orang Yahudi, menurut pendapat yang lainnya, padahal dia bebas atau bersih. Mereka adalah orang-orang zhalim lagi penghianat seperti yang ditunjukkan oleh Allah kepada Rasul-Nya. Kemudian cacian dan celaan ini berlaku umum untuk mereka dan siapa pun selain mereka yang memiliki sifat seperti mereka, lalu melakukan tindakan kesalahan seperti mereka, maka mereka akan mendapatkan hukuman yang sama dengan mereka.<sup>47</sup>

وَبِكْفَرِهِمْ وَقَوْلِهِمْ عَلَىٰ مَرْيَمَ بُهْتَانًا عَظِيمًا

Artinya: *Demikian juga (Kami laknatkan mereka) dengan sebab kekufuran mereka dan tuduhan mereka terhadap Maryam (dengan tuduhan yang amat dustanya).*

Ali ibnu Abu Talhah meriwayatkan dari Ibnu Abbas, bahwa makna yang dimaksud ialah mereka menuduhnya berbuat zina. Hal yang sama dikatakan oleh As-Saddi, Juwaibir, Muhammad ibnu Ishaq, dan lain-lainnya. Pengertian ini jelas terbaca dari makna ayat, bahwa mereka memang menuduh Maryam dan putranya dengan tuduhan-tuduhan yang besar; mereka menuduh Maryam telah berbuat zina dengan seorang yang bernama Yusuf An Najjar, sehingga melahirkan Isa putra Maryam Tuduhan

<sup>44</sup> Qurais Shihab, Al-Misbah sihab, Qurais Shihab, Al-Misbah,

<sup>45</sup> Alusy, Ruh al-Ma'ani, 20:472

<sup>46</sup> Al-Qur'an, an-Nisa', 4:112,

<sup>47</sup> Ibn Kasir, Tafsir Al-Qur'an al-'Azhim,

<sup>48</sup> an-Nisa', 4:156

itu sama sekali tidak benar,<sup>49</sup> sebagaimana firman Allah SWT berikut:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ خَلَقَهُ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Artinya: *Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.*

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدْ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا

Artinya: *Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.*

Menurut Abdullah bin Abbas r.a ayat ini diturunkan berkenaan dengan tuduhan Abdullah bin Ubai terhadap Siti 'aisyah yang dituduh berbuat krisis moral dalam perjalanan pulang beserta Nabi Muhammad saw setelah memerangi Bani Mustaliq, yang terkenal dengan hadisul ifki. Dan menurut Abu Hurairah Rasulullah saw pernah ditanya tentang apa artinya bergaul bebas. Beliau menjawab: "Engkau menyebut-nyebut saudaramu dengan sesuatu yang dibencinya". Nabi ditanya lagi: "Bagaimana jika yang disebut itu memang benar terdapat suatu kenyataan?". Nabi menjawab:

"Bila yang diucapkan itu benar engkau telah mengumpat kepadanya, dan bila itu tidak benar maka engkau telah membuat kedustaan terhadapnya". Dan menurut riwayat 'Aisyah r.a bahwa Nabi saw pernah ditanya: "Riba manakah yang paling berat di sisi Allah, beliau bersabda menghalalkan kehormatan seorang manusia, lalu Nabi membacakan ayat ini."<sup>52</sup>

Semestinya, ketika sahabat mendengar berita bohong itu, kalian menasihati mereka agar tidak melakukan tuduhan karena hal itu tidak pantas buat kalian. Semestinya pula sahabat heran terhadap kebohongan yang sangat hina dan berbahaya yang mereka perbuat itu. Di Madinah waktu itu terdapat sekumpulan manusia yang mengatur rancangan-rancangan jahat terhadap orang beriman lelaki dan perempuan dengan menyebarkan fitnah-fitnah yang keji terhadap mereka, merancang perkataan-perkataan jahat yang menghebohkan berbagai-bagai tuduhan dusta terhadap mereka.<sup>53</sup> Hal yang sama telah diriwayatkan oleh Imam Turmuzi, dari Qutaibah, dari Ad-arawardi, kemudian Imam Turmuzi mengatakan bahwa hadis ini hasan sahih:

قَالَ ابْنُ أَبِي حَاتِمٍ: حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ سَلَمَةَ، حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ، حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ هِشَامٍ، عَنْ عَمَّارِ بْنِ أَنَسٍ، عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ: "أَيُّ الرِّبَا أَرَىٰ عِنْدَ اللَّهِ؟" قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: "أَرَىٰ الرِّبَا عِنْدَ"

<sup>49</sup> Ibn Kasir, Tafsir Al-Qur'an al-'Azhim,

<sup>50</sup> Al-Qur'an, Ali-Imran, 3:59

<sup>51</sup> Al-Qur'an, al-Ahzab, 33:58,

<sup>52</sup> Departemen Agama Republik Indonesia, Tafsir Al-Qur'a, al-Karim,

<sup>53</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 5:257

اللَّهِ اسْتِحْلَالَ عَرَضِ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، ثُمَّ قَرَأَ:  
 {وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا  
 اكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا

Artinya: *Ibnu Abu Hatim mengatakan, telah menceritakan kepada kami Ahmad ibnu Salamah, telah menceritakan kepada kami Abu Kuraib, telah menceritakan kepada kami Mu'awiyah ibnu Hisyam, dari Ammar ibnu Anas, dari Ibnu Abu Mulaikah, dari Aisyah yang mengatakan bahwa Rasulullah Saw. pernah bersabda kepada para sahabatnya: "Riba apakah yang paling parah di sisi Allah?" Mereka menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Rasulullah Saw. bersabda, "Riba yang paling berat di sisi Allah ialah menghalalkan kehormatan seorang muslim." Kemudian Nabi Saw. membacakan firman Allah Swt.: Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang mukmin dan mukminat tanpa kesalahan yang mereka perbuat, maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata. (Al-Ahzab: 58)*

Menuduh dengan batil kepada orang lain sesuatu yang tidak layak begi mereka adalah dusta yang diada-adakan, dengan tujuan menyakiti, adalah dusta yang lebih buruk. Untuk menjatuhkan merwah kaum muslimin, *al-buht* juga dapat merusak hubungan antara sesama manusia, individu dengan kumpulan masyarakat, bahkan dapat merusakkan perhubungan antar bangsa dan Negara.

### Kesimpulan

1. Akhlak merupakan cerminan dari keyakinan yang wujud pada perilaku

kehidupan sehari-hari, dalam bermasyarakat berbangsa dan bernegara.

2. di antaranya adalah akhlak mazmumah adalah akhlak buruk termasuk dusta, sesama manusia, *al-kidhb* seperti : berbohong, berpura-pura jujur (munafik), menuduhan orang baik-baik berbuat keji tanpa ada bukti. semua perbuatan di atas dimurkai Allah SWT dengan berbagai konsekwensinya di dunia dan di akhirat dan bahkan juga dibenci oleh sesama manusia.
3. Dusta membawa kepada kedurhakaan, sedangkan kedurhakaan itu membawa kepada neraka.
4. Dusta juga termasuk ciri-ciri seorang munafik, sikap seperti ini mesti dijauhi dan di cegah orang lain melakukannya.

### Daftar Kepustakaan

- Alusiy, syihabuddin mhd ibn Abdullah al-Husainiy, *Ruhu al-Ma'aniy fi tafsir al-Qur'an al-'Azhim wa sab'u al-Matsaniy*, Muassasah ar-Risalah, 2000,
- Al-Biqai, Burhanuddin Abi al-Hasan Ibrahim bin Umar, *Nizam ad-Durar fi Tanasub al-Ayah wa as-Suwar*, juz.7, hal.605
- Al-Bukhary, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin alMughirah, *al-Jami as-Sahih al-Musnad min hadis Rasulullah saw wasunnatih wa ayatih* SahihBukhari, juz. 1. Hal.58,

- Al-Husaini, Mohammed Rashid bin Ali  
Ridha bin Mohammed Shams al-  
Din bin Muhammad Bahauddin  
maula Ali bin Khalifa Kulmuny,  
*Tafsir al-Qur'an al-Hakim*  
(*Tafsir al-Manar*), Kairo, Al-  
Haiah al-Mishriyah al-Ammah  
lil kitab, 1990
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa,  
*Tafsir al-Maraghi*, Mesir, Darul  
Fikri, 1970
- Al-Qurthubi, Abu Abdullah bin  
Muhammad bi Ahmad bin Abi  
Bakr bin Farah al-Anshari al-  
Khuzraji Syamsuddi, *Al-Jami'*  
*al-Ahkam al-Qur'an*, Tafsir Al-  
Qurthubi, Kairo; Dar al-Kutb al-  
Nishriyah, 1994
- Al-Qusyairiy, Abd al-Karim bin  
Hawzan bin Abd al-Malik,  
*Lithaif al-Isyarah*, *Tafsir al-*  
*Qusyairy*, Mesir:Al-Haiah al-  
Misriyah al-Amah lilkitab, 1999
- Al-Sa'di, Abdurrahman bin Nasir bin  
Abdullah, *Taisir al-Karim ar-*  
*Rahman fi tafsir kalam al-*  
*Mannan*, Muassasah ar-Risalah,  
2000
- Shihab, M Quraish, Tafsir al-Misbah  
Pesan Kesan dan keserasian al-  
Quran, Tanggaerang: Lentera  
Hati, cet III, 2005
- Al-Thabariy, Muhammad bin Jarir bin  
Yazid bin Katsir ibn Ghalib al-  
Amaliy Abu Ja'far, *Jami' al-*  
*Bayan fi takwil al-Qur'an*,  
2:356,
- Al-Wahidi, Abu al-Hasan bin Ahmad,  
*Al-Washit fi Tafsir al-Quran*,  
Dar al-Kutut al-Ilmiyah, Beirut.  
1994.
- Qutb, Sayyid, *Fi Zilal al-Qur'an*,  
Beirut, Dar el-Fikr, 1971
- Al-Zuhaili, Wahba bin al-Mustafa,  
*Tafsir Al-Munir fi 'Aqidah wa*  
*as-Syari'ah wa al-Manhaj*  
*Beirut, Dar Elfikri, 1991*